



KENANGAN: Dr. Mohamad Rizal (empat kanan) bersama Mohd Nazri (tiga kiri), Dr. Shahida (empat kanan) dan Mohd Amir (dua kiri).

Pengarah UMSKAL terima kunjungan Penasihat Luar FKAL

UB 13.06.2024 P.08

LABUAN: Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abd Hamid telah menerima kunjungan hormat daripada Penasihat Luar Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) pada Selasa lalu.

Mereka ialah Ketua Pegawai Kewangan Sosial Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad, Mohd Nazri Chik dan Ketua Kluster Ekonomi & Kewangan Islam, Pusat Kajian Pembangunan Lestari & Inklusif Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr. Shahida Shahimi. Seorang lagi penasihat ialah dari pihak alumni iaitu Mohd Amir Masmud (Master in Islamic Finance).

Kunjungan penasihat-penasihat luar ini adalah bertujuan untuk menambah baik kursus pascasiswazah yang ditawarkan di FKAL agar berdaya saing dengan kursus yang ditawarkan di peringkat global.

Selain itu, Mohd Nazri Chik dan Prof. Madya Dr. Shahida Shahmi turut menyampaikan perkongsian ilmu berkaitan dengan Kewangan Sosial (Social Finance) dan ‘ESG Integration in Islamic Banks Malaysia’.

Turut hadir pada sesi perkongsian itu termasuk Prof. Madya Dr Rizal Hamid, Dekan FKAL, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) FKAL, Dr Anath Rau Krishnan.

Hadir sama Penyelaras Pasca-siswazah, Dr Andrew Saw Tek Wei dan pensyarah-pensyarah FKAL.

Dr Rizal berharap perkongsian ilmu itu akan memberi manfaat bukan sahaja kepada FKAL tetapi juga UMSKAL secara keseluruhannya.

“Pengetahuan dan pengalaman Penasihat Luar itu seharusnya dikongsi bersama pensyarah yang akhirnya memberi manfaat kepada FKAL dan UMSKAL,” katanya.